

EXAMPLE 5A (Minister's Approval)

Akuan Berkanun (*Statutory Declaration*) salah seorang pengarah/pemegang amanah dan merangkumi perkara-perkara berikut:-

- (i) Syarikat hendaklah mematuhi Akta Kutipan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947 jika berkaitan;
- (ii) Syarikat hendaklah mematuhi Pekeliling Am Bil.6 Tahun 1987 – Peraturan Mengutip Derma Oleh Pertubuhan dari orang ramai;
- (iii) Syarikat hendaklah memastikan tatacara kutipan derma mempunyai ciri-ciri kawalan dalaman yang mencukupi untuk mengelakkan penyelewengan;
- (iv) Syarikat hendaklah memastikan penyata kewangan disediakan, diaudit dan dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan mengikut peruntukan Akta Syarikat 2016;
- (v) Penyata kewangan yang diaudit hendaklah dihantar kepada pihak berkuasa yang meluluskan permohonan dalam tempoh satu (1) bulan selepas dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan;
- (vi) Syarikat hendaklah memastikan kutipan derma diguna untuk objek Syarikat dan bukan untuk manfaat ahli-ahli Syarikat;
- (vii) Kutipan tidak boleh menggunakan orang perantaraan dan dibuat tanpa menggunakan unsur-unsur kekerasan, ugutan dan ancaman;

- (viii) Pengutip derma hendaklah menunjukkan tanda pengenalan dan surat kebenaran untuk mengutip derma yang dikeluarkan oleh badan yang menganjurkan kutipan;
- (ix) Pengutip derma hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun;
- (x) Semua penerimaan kutipan derma hendaklah diakui dengan resit atau disiarkan melalui akhbar;
- (xi) Perbelanjaan untuk kutipan derma hendaklah seboleh-bolehnya tidak melebihi 1/12 daripada jumlah keseluruhan kutipan;
- (xii) Semua derma hendaklah dikeluarkan resit pada masa kutipan;
- (xiii) Tempoh sah kelulusan untuk mengutip sumbangan daripada pihak awam adalah satu (1) tahun daripada tarikh kelulusan YB Menteri;
- (xiv) Kelulusan Menteri ini adalah untuk permohonan Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 sahaja dan bukan bermaksud sebagai sokongan terhadap pungutan derma yang akan dijalankan oleh Syarikat; dan
- (xv) Syarikat adalah dilarang untuk menggunakan atau mengaitkan nama Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pendaftar Syarikat, anggota dan pegawai KPDNHEP dan SSM dalam menjalankan aktiviti memungut derma berkeñaan.